

Untuk Siaran Segera

Pencarian Harta Karun ke Pahang Sempena Kempen Panasonic No. 1

Kuala Lumpur, 5 June 2010 – Persatuan Pengedar Barangan Elektrik Perkakas Rumah Selangor dan Wilayah Persekutuan (SWEDA) menganjurkan peraduan mencari Harta Karun Tahunan yang ke limabelas ke Bukit Gambang, Kuantan, Pahang. Dua ratus empat puluh empat peserta akan mengambil bahagian di peraduan tahun ini. Upacara perlepasan akan berlangsung di Taman Melawati, Kuala Lumpur.

Menurut Ng Chee Keong, Pengarah Executive Panasonic Malaysia, “Acara begini sangat bermakna kerana ia dapat menjalin hubungan rapat dan sihat diantara kalangan kakitangan Panasonic dan rakan niaga. Ia juga memberi ruang untuk semua peserta berriadah di luar masa kerja dan rutin biasa”.

“Ini adalah merupakan satu-satunya acara yang mana semua pengedar jenama elektronik di Lembah Klang berjumpa dan mengeratkan hubungan walaupun bersaing dipasaran dan berbeza nilai perniagaan”..

Tambah Ng lagi “Panasonic Malaysia amat menyokong acara tahunan anjuran SWEDA ini. Ini adalah tahun ke 15 kami mengambil bahagian sebagai penganjur utama di peraduan Mencari Harta Karun sempena kempen Panasonic Malaysia No. 1. Kami harap peserta bersaing dengan semangat dan keazaman nombor satu”.

“Peserta yang mengambil bahagian dalam acara ini boleh memenangi hadiah hebat termasuk barangan Panasonic seperti system hiburan rumah, peti sejuk, panjuran mandi, periuk memasak nasi, ketuhar microwave, kipas, seterika dan talipon tanpa wire’.

Menurut Presiden SWEDA, Alex Chua Tong Yat, "Persatuan ini amat menitik berat dalam menganjurkan acara tahunan ini kerana ia dapat membina hubungan yang baik antara semua ahli SWEDA".

"Pengedar dari semua jenama barangan elektronik serta keluarga mereka akan bersaing dalam acara mencari harta karun ini. Soalan untuk petunjuk disediakan dalam dua bahasa, Inggeris dan Cina, untuk memudahkan penyertaan. Peserta-peserta boleh memilih untuk menjawab soalan dalam bahasa Inggeris atau Cina".

61 buah kereta yang mengandungi ahli SWEDA serta kakitangan Panasonic akan mengambil bahagian dalam acara Pencarian Harta Karun SWEDA 2010.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Media Contact: Azizah Wahid
General Manager, Corporate Communications & Branding
Tel: 03 7809 7855 Fax: 03 7955 1857 Mobile: 019 217 2730
Email: azizah.wahid@my.panasonic.com

Mazlee Mokhtar
Senior Executive, Corporate Communications & Branding
Tel: 03 7809 7877 Fax: 03 7955 1857 Mobile: 019 383 7164
Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com

###